



Za'ba (duduk di tengah)
bersama-sama ahli keluarga.

PENDETA BAHASA

“Kalau kamu menjadi pohon kayu, jadilah pohon kayu yang tumbuh gagah di rimba, di mana hidupnya sentiasa bersaing dan berjuang dengan pohon-pohon lain untuk mendapat tempat yang kukuh dan terjamin. Sebaliknya, janganlah kamu menjadi pohon bunga yang ditanam di dalam pasu yang sentiasa mengharapkan supaya sentiasa disiram dan dibajai. Jika tidak, bunga akan menjadi layu dan seterusnya akan mati,” demikianlah pesanan ilmuwan negara, Za’ba.

Zainal Abidin bin Ahmad atau lebih dikenali dengan nama penanya, “Za’ba”, dilahirkan pada 16 September 1895 di Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Jempol, Negeri Sembilan. Berketurunan Bugis–Minang, beliau dibesarkan dalam keluarga yang mementingkan ilmu agama serta sahsiah diri. Pada awal usianya sekitar tujuh tahun, Za’ba terlebih dahulu menguasai ilmu membaca al-Quran sebelum beliau pandai membaca dan menulis Jawi. Beliau telah khatam al-Quran beberapa kali dan mengikut jejak langkah ayahnya dengan menulis di atas daun pisang yang ada di sekeliling rumahnya sehingga semuanya penuh dengan tulisan surah *al-Fatihah*, *al-Kursi* dan ayat yang seumpama dengannya.



Za'ba mula bersekolah di Sekolah Melayu Batu Kikir, Negeri Sembilan pada tahun 1907 pada usia 12 tahun. Kemudian, beliau berpindah ke Sekolah Melayu Linggi hingga tahun 1909. Semasa menuntut di Sekolah Melayu Linggi, beliau menghadiri kelas bahasa Arab pada sebelah petang. Setelah pandai membaca tulisan Jawi dan bahasa Melayu, beliau mula membaca dan mendalami pelbagai kitab, termasuklah Hikayat Abdullah dan Sejarah Melayu. Antara buku yang menjadi kegemarannya walaupun tidak memahami sepenuhnya jalan cerita tersebut kerana usianya yang masih muda termasuklah *Hikayat Abu Nawas*, *Hikayat Muhammad Hanafiah*, *Hikayat Si Miskin* dan *Syair Siti Zubaidah*. Pada tahun 1915, beliau mencatatkan sejarah yang tersendiri apabila menjadi pelajar Melayu pertama dari Negeri Sembilan yang menamatkan Darjah Sembilan (Senior Cambridge).

Pada tahun 1916, Za'ba memulakan kerjayanya sebagai seorang guru di English College, Johor Bahru hingga tahun 1918. Sejak kecil dan ketika usia remaja, beliau ialah seorang pemikir dan penulis yang hebat, maka tidak hairanlah beliau mula mengembangkan ilmunya dengan memulakan kerjaya sebagai seorang pendidik. Minatnya dalam bidang penulisan semakin memuncak

ketika menjadi guru di English College, Johor Bahru. Di sekolah ini, beliau telah menulis rencana pertamanya yang berjudul "Temas

Kemudian, pada tahun 1918 hingga tahun 1923, beliau berpindah ke Malay College Kuala Kangsar. Beliau lulus peperiksaan Latihan Guru (*Normal Class*) di Taiping pada tahun 1921. Pada tahun 1924 hingga tahun 1939, beliau bertugas sebagai guru di Sultan Idris Training College yang kini dikenali sebagai Universiti Perguruan Sultan Idris. Bakat dan usaha beliau dalam

bidang penulisan mula terserlah ketika berada di SITC. Beliau banyak mengarang dan menterjemahkan buku pelajaran untuk kegunaan di sekolah Melayu dan melatih penterjemah baharu di SITC.

Semasa tercetusnya Perang Dunia ke-2 pada tahun 1939, Za'ba telah ditugaskan ke Singapura sebagai Pegawai Penerangan Bahagian Melayu hingga tahun 1942. Beliau kemudiannya ditugaskan sebagai penyusun berita di Radio Syonan, Singapura sebelum berpindah ke



Antara keratan akhbar tentang Za'ba.




Kuala Lumpur semula pada bulan Julai, 1945.

Sekembalinya British ke Tanah Melayu setelah Jepun menyerah kalah, Za'ba kembali menjadi penterjemah dan pengarang di pelbagai pejabat di Kuala Lumpur sebelum berkhidmat di Pejabat Pelajaran Tanah Melayu dari tahun 1946 hingga tahun 1947.

Pada tahun 1947, Za'ba dihantar untuk melanjutkan pelajaran di Sekolah Pengajian Bahasa-bahasa Timur dan Afrika di University of London hingga tahun 1950. Di London, beliau mengambil peluang untuk mendalami bahasa Arab klasik dan bahasa Belanda. Beliau juga berjaya memperoleh Diploma Pengajian Bahasa Arab Klasik dan Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Melayu.

Za'ba telah melanjutkan pelajaran peringkat ijazah ketika mengajar di Universiti Malaya (UM) dalam jurusan Pengajian Melayu. Dalam majlis pengijazahan pada tahun yang sama, Za'ba telah dikurniailah Ijazah Kehormat (Doktor Sastera) atas sumbangan dan penghormatannya kepada UM selama



Kediaman Za'ba dan keluarga.

enam tahun, terutama dalam bidang persuratan Melayu. Pada tahun 1953, beliau telah dilantik sebagai pensyarah senior di Jabatan Pengajian Melayu, UM. Beliau turut dilantik untuk mengetuai kumpulan dari UM di Singapura yang bertanggungjawab dalam mengasaskan Jabatan Pengajian Melayu.

Sekitar bulan September 1953, dengan bantuan seorang pensyarah dari Belanda dan beberapa orang pakar dalam jurusan Sastera, buat pertama kalinya dalam penggal itu, jurusan Pengajian Melayu telah dibuka. Sebanyak 22 orang pelajar telah mendaftar sebagai kumpulan pertama yang mengambil jurusan Pengajian Melayu di UM dan bilangan ini semakin meningkat dari tahun ke

tahun. Selain aktif sebagai tenaga pengajar, Za'ba juga terlibat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Beliau antara ahli lembaga di DBP semajak penubuhan DBP di Johor Bahru pada tahun 1957 hinggalah pada awal tahun 1963.

Pencapaian dan sumbangan beliau dalam bidang penulisan amat luas dan masih menjadi sumber rujukan semasa. Naskhah awal yang diterbitkan oleh beliau pada tahun 1924 yang bertajuk *Chanai Bachaan*, merupakan petikan daripada beberapa hikayat Melayu dan digunakan sebagai bahan bacaan murid darjah empat di sekolah-sekolah Melayu. Antara hasil karangan dan karya agung yang masih menjadi rujukan sehingga kini ialah Ilmu

Bahasa Melayu (1926), *Rahsia Ejaan Jawi* (1929), *Cherita Shakespeare* (1929-1930), *Pelita Mengarang: Ilmu Mengarang Melayu* (1934), *Daftar Ejaan Melayu: Jawa-Rumi* (1938), *Pelita Bahasa Melayu*, (Jilid I, Jilid II dan Jilid III), *Falsafah Takdir* (1932) dan *Asuhan Budi Menerusi Islam* (1958).

Keberanian Za'ba dalam memperjuangkan hak orang Melayu juga terserlah melalui penulisan yang bertajuk, "*The Poverty of Malays*". Penulisan ini juga telah disiarkan dalam akhbar *The Malay Mail* pada 1 Disember 1923, yang merupakan manifestasi kepada keprihatinannya terhadap masalah kemiskinan dan kemunduran orang Melayu pada ketika itu. Antara penulisan yang lain yang mengangkat Za'ba di mata

PERISTIWA BERSEJARAH BULAN OKTOBER

18.10.1826

Perjanjian Low ditandatangani antara wakil politik Gabenor Pulau Pinang, Melaka dan Singapura (Kapten James Low) dan Sultan Perak (Sultan Abdullah Mua'azzam Shah) untuk memohon bantuan Inggeris bagi keselamatan negeri Perak.

9.10.1950

Majlis Perundangan Borneo Utara telah dibentuk dengan dipengerusikan oleh Herbert Ralph Hone, Gabenor Borneo Utara. Majlis ini dibentuk atas nama kerajaan British bagi melicinkan pelaksanaan undang-undang di Borneo Utara.

2.10.1964

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Y.M. Tengku Yaacob Ibni Almarhum Sultan Hamid ke Great Britain, melancarkan sebuah kapal perang baharu Angkatan Tentera Laut DiRaja Malaysia yang diberi nama, K.D Hang Tuah.

20.10.2009


YB Datuk Dr. Mohd Anwar Ridhwan, penulis novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* dan Pemenang *S.E.A. Write Awards 2020* telah dinobatkan sebagai Sasterawan Negara ke-10 pada Majlis Pengurniaan Anugerah Sastera Negara 2009 di Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.

8.10.2008

Raja Pemaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah binti Adil Bakeri telah menyempurnakan pelancaran kapal selam kedua Malaysia yang diberi nama, "Tun Razak" di Limbungan Navantia, Cartagena, Sepanyol.



masyarakat ialah *Persaudaraan di Antara Ilmu, Bahasa, Bangsa, Persatuan dan Kemajuan*, yang diterbitkan dalam akhbar Lembaga Melayu.

Za'ba dianugerahi bintang kehormatan Pingat Mangku Negara (P.M.N), yang membawa gelaran "Tan Sri" oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1962 atas sumbangan beliau mengangkat taraf bahasa Melayu ke satu tahap yang tinggi. Gelaran "Pendita" telah diberikan kepada Za'ba di Singapura pada bulan September 1956. Ketokohan Za'ba memartabatkan bidang penulisan tidak dapat ditandingi oleh sesiapa sehingga hari ini. 



Sekolah Melayu Batu Kikir, Negeri Sembilan.

3.10.1973

Perkhidmatan doktor udara mula disediakan kepada para penduduk di kawasan terpencil di Sarawak. Perkhidmatan dimulakan dengan 40 buah tempat sebagai projek sulung dengan bantuan dua buah helikopter.

7.10.1982

Bangunan kerajaan negeri Selangor yang baharu, dinamakan sebagai Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, bagi menggantikan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

11.10.1993

Penghayatan Wawasan 2020 dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohammad, Perdana Menteri Malaysia di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Johor Bahru.

21.10.2007

Angkasawan pertama negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha, selamat kembali ke bumi setelah berada 11 hari di angkasa

11.10.1994

Pasukan Aturgerak Cepat Angkatan Tentera Malaysia (PAC-ATM) dilancarkan oleh YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Pasukan ini ditubuhkan untuk meningkatkan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia dalam menghadapi perubahan semasa.